

05/09/1997

Kestabilan tangkis serangan ekonomi

PERHIMPUNAN Agung Umno yang bermula hari ini pasti menjadi satu medan perbincangan yang lebih serius. Ia menjadi satu ujian besar kepada Umno kerana perhimpunan agung kali ini diadakan ketika negara dicabar oleh pihak asing yang mempunyai motif untuk menghancurkan ekonomi negara dengan kuasa dan wang. Disebabkan serangan itu bagaikan badai, tidak ada sebab perhimpunan kali ini dijadikan forum untuk mendengar senda-gurau dan cerita lucu yang sekadar untuk menggeletek dan menjadi bahan ketawa. Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno semalam pun sudah menampakkan bahawa tidak ada ruang untuk membangkitkan isu remeh-temeh. Perwakilan berbincang secara serius kerana tidak mahu menjadi 'penglipur lara' ketika negara dicabar ancaman besar.

Pada kita Perhimpunan Agung Umno kali ini perlu dimanfaatkan untuk memerah fikiran dan mencari jalan bagaimana menghadapi anasir rakus yang menggunakan pelbagai muslihat untuk memusnahkan kita. Ucapan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno semalam jelas menunjukkan kepada kita bahawa 'perang ekonomi' yang dilancarkan secara teratur oleh sindiket Barat di pasaran saham dan pasaran mata wang didorong oleh kerakusan untuk mengaut laba. Kita perlu akui ancaman kali ini adalah besar dan begitu mencabar. Untuk menghambat mereka, bukan saja memerlukan modal yang besar, malah pengorbanan setiap rakyat.

Dana khas RM60 bilion yang disediakan untuk menyelamatkan ekonomi negara, sebagaimana diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, sudah cukup membuktikan kerajaan sedang melawan gelombang. Kita sudah melihat kesannya di Thailand yang sistem kewangannya runtuh. Serangan terhadap Malaysia dilancarkan lebih hebat kerana negara ini cuba mencabar tindak-tanduk mereka dan kini mengambil sikap menyerang balas.

Dana khas yang disediakan itu mungkin belum cukup kuat untuk memulihkan sepenuhnya kesan kemerosotan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan nilai ringgit. Setiap rakyat juga mesti memainkan peranan. Langkah berjimat cermat yang membabitkan semua sektor adalah salah satu lagi jalan penyelesaian. Jika ini dapat dilakukan, kesan serangan mereka akan dapat dikendurkan. Amalan berjimat cermat bukanlah perkara baru. Pada 1982, kita menghadapi kemelesetan ekonomi yang menggalakkan setiap pihak bercermat dalam perbelanjaan. Sebagai rakyat kita tidak boros manakala kerajaan pula perlu mengurangkan import. Kita seharusnya menggunakan segala sumber tempatan bagi mengelakkan pengaliran wang. Kerajaan juga perlu menangguk projek yang kurang berkepentingan. Seboleh mungkin, pemimpin perlu menunjukkan teladan berjimat cermat yang boleh diikuti oleh rakyat jelata. Mereka perlu menunjukkan kepada rakyat bahawa ketika waktu sukar begini, mereka sanggup mementingkan sedikit kepentingan diri. Sebarang acara dan program yang dianggap tidak begitu penting, hendaklah ditangguh atau dibatalkan. Kita merelakan keadaan ini jika keadaan benar-benar mendesak. Ini bukan langkah yang menunjukkan kita panik. Ia diambil sebagai persediaan jika sindiket antarabangsa itu masih enggan mengaku kalah dan terus menggugat.

Bagi rakyat, mereka tidak seharusnya terlalu bimbang dengan hambatan asing itu kerana selagi Dr Mahathir menerajui parti dan negara, kita yakin beliau tidak akan mudah menyerah kalah. Tidak ada sebab beliau merelakan negara ini diperbudakkan. Selepas 40 tahun merdeka dan berusaha

membangunkan negara, tentunya beliau tidak sanggup kemakmuran negara ini musnah dalam sekelip mata.

Namun, beliau tidak boleh dibiarkan berseorangan merempuh badai. Setiap rakyat seharusnya sama-sama memberi sokongan yang padu dan memberi kekuatan kepadanya untuk terus melawan walau sebesar mana sekali pun cubaan yang datang.

Bagi perwakilan, kita mengharapkan mereka menggunakan kesempatan dalam perhimpunan kali ini sebaik mungkin. Kita mengharapkan mereka bukan saja memberi rangsangan kepada pucuk pimpinan untuk terus bertindak, malah akan menimbulkan kesedaran baru bahawa kemakmuran negara ini perlu dijaga sebaik mungkin. Selepas jatuh, amat sukar untuk bangun semula kerana ia mengambil jangka waktu yang panjang. Setiap perwakilan juga harus ingat bahawa negara ini masih boleh bertahan terhadap sebarang ancaman disebabkan kestabilan politik negara. Seandainya ketika ini kita turut diganggu dengan ketidaktentuan politik yang memang sudah pun dicuba, rasanya daya tahan kita mungkin sudah berakhir.

(END)